

**PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN
UNDANGAN UNTUK MEMBERI ULASAN**

No. Rujukan : EK03850002
 Kepada : Semua Pihak yang Berkepentingan
 Tarikh : 04 Oktober 2024
 Tajuk : **Undangan Untuk Memberi Ulasan Berkenaan Audit Pemantauan Terhadap Unit Pengurusan Hutan (FMU) Segaliud Lokan Untuk Pensijilan Pengurusan Hutan PEFC MTCS**

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (SIRIM QAS International) akan menjalankan audit pemantauan untuk pensijilan pengurusan hutan di FMU Segaliud Lokan yang diuruskan oleh KTS Plantation Sdn. Bhd.

SIRIM QAS International adalah badan pensijilan yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia. Penilaian pensijilan akan menilai amalan pengurusan hutan yang dilakukan oleh FMU Segaliud Lokan menurut standard *Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Lestari (MC&I SFM)*, berkaitan dengan aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. Sesalinan standard ini boleh didapati di laman sesawang Malaysian Timber Certification Council (MTCC) www.mtcc.com.my. Audit pemantauan ini akan dijalankan pada 4 – 7 November 2024.

Maklumat FMU Segaliud Lokan adalah seperti berikut:

Lokasi	Sandakan, Sabah
Saiz FMU	57,247 ha
Jenis Hutan	<i>Dry Inland Forest</i>
Spesies Utama	<i>Dipterocarps</i>
Sistem Pengurusan Hutan Semasa	Pengurusan Hutan Lestari

Kumpulan penilai yang ditugaskan untuk menjalankan penilaian terhadap FMU tersebut adalah;

- 1) Khairul Najwan Ahmad Jahari – *Lead Auditor*
- 2) Mohd Razman Salim – *Auditor*
- 3) Puteri Arlydia Binti Abdul – *Auditor*

Berikut adalah penerangan ringkas proses dan jadual penilaian:

1. Jemputan kepada umum untuk meminta memberikan komen terhadap FMU;
2. Perancangan penilaian dan semakan dokumen;
3. Penilaian lapangan ke atas beberapa sampel kawasan hutan dan operasi di dalam FMU;
4. Perundingan pemegang berkepentingan melibatkan temubual tertutup, perbincangan atau mesyuarat kumpulan kecil bersama penduduk tempatan di sekitar FMU;
5. Mesyuarat penutup dengan wakil FMU untuk membentangkan penemuan awal penilaian;
6. Penyediaan draf laporan penilaian yang menerangkan proses penilaian, penemuan dan cadangan ke atas pensijilan;
7. *Peer review* ke atas draf laporan penilaian oleh dua *peer reviewers* bebas;



ACB 001



ACB 001



MIBAS 003
 SAMM 085
 SAMM 086
 SAMM 087
 SAMM 240
 SAMM 377
 SAMM 734
 SAMM 735



0074



SIRIM QAS INTERNATIONAL
IS A MEMBER OF

8. Penyerahan laporan akhir penilaian kepada Ketua Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan SIRIM QAS International; dan
9. Pendedahan ringkas kepada umum, sekiranya pensijilan diberikan kepada FMU tersebut.

Sebagai salah satu daripada bahagian terpenting dalam proses pemantauan pengurusan hutan, SIRIM QAS International mengundang semua pemegang berkepentingan untuk memberi pendapat dan maklumbalas ke atas amalan pengurusan hutan dari FMU Segaliud Lokan berpandukan *MC&I SFM*. Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu seperti di bawah:

1. Perlindungan alam sekitar;
2. Pemuliharaan kepelbagaian biologi;
3. Peluang pekerjaan;
4. Hubungan komuniti dan hak pekerja;
5. Manfaat dari hutan;
6. Hubungan anda dengan FMU;
7. Cadangan penambahbaikan.

Semua pihak berkepentingan yang ingin memberikan input dan komen boleh juga melayari laman sesawang SIRIM QAS International di www.sirim-qas.com.my, atau menghubungi pegawai yang menandatangani surat ini untuk memberi komen atau input secara rahsia. SIRIM QAS International mengalu-alukan maklumbalas, baik positif maupun negatif melalui surat, faks atau emel. Walau bagaimanapun, SIRIM QAS International berharap untuk menerima ulasan atau maklumbalas sebelum atau semasa pemantauan dijalankan dengan menggunakan slip jawapan yang dilampirkan bersama surat ini. Maklumbalas daripada anda amat berharga buat SIRIM QAS International dalam mana-mana tahap proses penilaian.

Segala komen dan maklumbalas anda akan disimpan sebagai sulit oleh SIRIM QAS International dan kumpulan penilai. SIRIM QAS International amat berbesar hati untuk menerima maklumbalas daripada anda.

Kami menghargai usaha dan pandangan anda.

Yang benar,



KAMINI A/P M. SOORIAMOORTHY

Ketua

Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan
Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
No. Tel : 03-5544 6448
No. Faks : 03-5544 6763
Email: kamini@sirim.my

SLIP JAWAPAN

Tarikh :

Ketua

Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan
Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan
SIRIM QAS International Sdn Bhd
Bangunan 4, Tingkat 1, Kompleks SIRIM
No.1, Persiaran Dato' Menteri
40700 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

(u/p : **KAMINI A/P M. SOORIAMOORTHY**)

No. Faks: 03-5544 6763

Undangan Untuk Memberi Ulasan Berkenaan Audit Pemantauan Untuk Unit Pengurusan Hutan (FMU) Segaliud Lokan.

Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami mempunyai komen/tidak mempunyai sebarang komen terhadap Unit Pengurusan Hutan (FMU) Segaliud Lokan untuk ditentusahkan oleh kumpulan juruaudit yang ditugaskan semasa audit pemantauan kelak.

Komen adalah seperti berikut : (sila sertakan lampiran jika ruangan di bawah tidak mencukupi)

Pihak kami juga memberi kebenaran/tidak memberi kebenaran kepada SIRIM QAS International untuk mendedahkan identiti organisasi di dalam laporan audit dan rumusan umum (*public summary*) ke atas FMU Segaliud Lokan.

Nama : _____

Jawatan : _____

Organisasi : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____